MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*


Jil. 36
No. 24

**26hb November 1992**

*TAMBAHAN*
*No. 10*


## RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang yang berikut telah dibentangkan dalam Parlimen adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bill introduced into Parliament is published for general information:

Akta Syarikat (Pindaan) (No. 3) 1992—*(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 16hb November 1992).*

Companies (Amendment) (No. 3) Act 1992—*(Presented and read a first time in the Dewan Rakvat on 16th November 1992).*


GHAZALI BIN JANI, J.S.D., K.M.N., A.M.P., P.P.T., KETUA PENGARAH PERCETAKAN NEGARA, MALAYSIA

D.R. 32/92

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat (Pindaan) (No. 3) 1992.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

Pindaan seksyen 37. *Akta 125.*

2. Perenggan *37(2)(b)* Akta Syarikat 1965, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "scheme which complies with the provisions of this Act applicable to such schemes" dengan perkataan-perkataan "offer which complies with the provisions of the relevant law applicable to such offers".

Pindaan seksyen 132G.

3. Seksyen 132G Akta ibu adalah dipinda—

*(a)* dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

"(4) For the purposes of subsection (1)—

*(a)* a "person connected with a shareholder or a director" shall have the same meaning as that assigned to a "person connected with a director" in section 122A, except that a reference to a member of that shareholder's or director's family shall be limited to that shareholder's or director's spouse and child (including adopted child and step-child); and

*(b)* a reference to a shareholder of an acquiring company is a reference to a shareholder who has a substantial shareholding, as defined in section 69D, in the acquiring company,";

*(b)* dengan memasukkan, selepas subseksyen (5), subseksyen yang berikut:

"(6) This section shall not apply to—

*(a)* subscription of new shares in a company for cash consideration;

*(b)* an arrangement or transaction for the acquisition of shares or assets entered into by a company—

(i) and any of its wholly-owned subsidiaries;

(ii) and its holding company which holds all the issued shares of the company; or

(iii) which is a wholly-owned subsidiary of a holding company and another wholly-owned subsidiary company of that same holding company;

(c) an acquisition of any asset, other than shares, by a company from another company where the sale of the relevant asset is part of the ordinary course of business of the second-mentioned company;

(d) an acquisition of shares or assets by a company made in pursuance of a scheme of compromise or arrangement approved by the Court under section 176; or

(e) an acquisition of shares made by a company in connection with a take-over offer made in accordance with the relevant law applicable to such offers.".

4. Subseksyen 137(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "by virtue of section 179" dengan perkataan-perkataan "in accordance with the relevant law applicable to take-overs". Pindaan seksyen 137.

5. Subseksyen 364A(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan *(d)* dengan perenggan yang berikut: Pindaan seksyen 364A

"(d) the Securities Commission established under the Securities Commission Act 1992,". *Act*

---

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Syarikat 1965.

2. *Fasal 1* memperkatakan tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini.

3. *Fasal 2* dan *4* bertujuan meminda seksyen 37 dan 137 berikutan dengan pemotongan seksyen 179 oleh Akta Suruhanjaya Sekuriti 1992.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 132G untuk membuat peruntukan khusus bagi kekecualian kepada larangan di bawah seksyen itu.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda perenggan *364A(1)(d)* berikutan dengan pembuatan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1992.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U$^2$) 1733.]